

**Ulasan Buku : “Malaysian Industrial Relations, Law and Practice”
yang diterbitkan oleh
Universiti Putra Malaysia Press, 1997, 493 muka surat**

Kamal Halili Hassan*

Buku “Malaysian Industrial Relations, Law and Practice” oleh V. Anantaraman merupakan sebuah penerbitan yang menarik tentang subjek perhubungan perusahaan di Malaysia. Terdapat beberapa sebab pengulas menyatakan begitu. Pertama, pendekatan yang diambil oleh penulis ialah beliau menggabungkan disiplin perhubungan perusahaan daripada dua perspektif iaitu undang-undang dan ekonomi/sosial/politik. Pendekatan ini jarang-jarang diambil dalam penulisan subjek ini sebelumnya kerana penulis-penulis lebih terikat kepada kekuatan disiplin masing-masing. Pendekatan yang dibawa oleh V. Anantaraman adalah sesuatu yang menarik kerana persoalan undang-undang sewajarnya digabungkan dengan bidang-bidang yang lain, apatah lagi dalam dunia perhubungan perusahaan. Sepertimana yang difahami umum bahawa undang-undang semata-mata tidak mampu untuk menyelesaikan semua masalah hubungan majikan-pekerja.

Kedua, V. Anantaraman tidak hanya membincangkan perihal peruntukan undang-undang dan kes sahaja, tetapi beliau juga menyentuh aspek falsafah dan tujuan undang-undang perhubungan perusahaan. Beliau mengupas tentang sumbangan undang-undang perusahaan di Malaysia bagi mengatasi kekurangan dalam Common Law. Misalnya, mengapa remedi ‘reinstatement’ diberikan oleh undang-undang di Malaysia tetapi tidak di Common Law. Perbincangan tentang falsafah dan tujuan perhubungan perusahaan dibincangkan oleh penulis di bahagian awal bab-bab dalam buku tersebut.

Ketiga, V. Anantaraman juga menyentuh tentang masa depan perhubungan perusahaan di Malaysia. Misalnya dalam mencari penyelesaian pertikaian, beliau membincangkan tentang peranan Mahkamah Perusahaan dan masa depannya. Apakah perlu diwujudkan Mahkamah Rayuan Perusahaan? Apakah kebaikan dan keburukannya? Beliau juga membincangkan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh Mahkamah Perusahaan yang jarang diperkatakan.

Apakah sebenarnya yang terkandung dalam buku yang diulas ini? Pengulas akan menyimpulkan kandungan buku tersebut menurut susunan bab. Dalam bab pertama, penulis membincangkan sejarah perkembangan perhubungan perusahaan di Malaysia. Disentuh gerakan Kesatuan Sekerja dalam period yang penting dalam sejarah Malaysia seperti keadaan semasa darurat dan selepas kemerdekaan. Disentuh juga perhubungan perusahaan dalam konteks perindustriaan negara dan wawasan 2020.

Bab kedua membincangkan gerakan Kesatuan Sekerja terkini, misalnya, hubungan Kerajaan dengan MTUC, jenis-jenis perhubungan di antara keduanya samada “confrontational” atau tidak dan juga isu-isu lain seperti hak berkesatuan di sektor elektronik.

Bab ketiga membincangkan undang-undang berhubung dengan pendaftaran kesatuan sekerja. Semua peraturan berkenaan adalah seperti terkandung dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959. Juga dibincangkan tentang undang-undang mogok dan batasan-batasannya. Dalam bab ini, penulis juga membuat penilaian ke atas undang-undang tersebut.

Dalam bab empat pula, V. Anantaraman membincangkan perundingan kolektif dan penyelesaian pertikaian. Perkara-perkara yang disentuh ialah perundingan kolektif, pengiktirafan Kesatuan, skop perundingan, pertikaian perusahaan, jenis-jenis pertikaian dan "Kanun Perlakuan untuk Keharmonian Perusahaan." Penulis buku ini telah membuat pengkelasan berhubung dengan jenis-jenis pertikaian perusahaan.

Dalam bab lima, penulis membincangkan tentang Mahkamah Perusahaan, iaitu dalam Konteks bidangkuasa dan peranannya. Antara bidangkuasa yang dibincangkan ialah kuasa Mahkamah Perusahaan di bawah s.33A dan s.33B. S.33B merupakan peruntukan yang penting kerana sungguhpun S. 33B bertindak sebagai fasal pengecualian yang cuba menafikan bidangkuasa Mahkamah Tinggi untuk membatalkan keputusan Mahkamah Perusahaan, namun pada amalnya badan kehakiman mengambil sikap yang liberal dalam interpretasi peruntukan tersebut.

Di antara masalah yang dibincangkan oleh penulis dalam bab ini ialah kredibiliti Mahkamah Perusahaan terutama berhubung dengan penguatkuasaan Awardnya. Sungguhpun masalah penguatkuasaan Award ini adalah kecil, namun peruntukan yang jelas wajar dicadangkan dan dikuatkuasakan oleh pihak yang berwajib. Begitu juga disentuh tentang masalah-masalah lain yang dihadapi oleh Mahkamah Perusahaan dan juga masa depannya. Perbincangan proaktif telah diambil oleh penulis dengan membincangkan kemungkinan diwujudkan Mahkamah Rayuan Perusahaan.

Bab keenam membincangkan tentang prinsip keadilan asasi yang merupakan elemen penting dalam proses pemecatan seseorang pekerja. Prinsip-prinsip kes dibincangkan untuk melihat bagaimana kaedah keadilan asasi itu digunapakai oleh mahkamah di Malaysia.

Bab ketujuh membincangkan tentang semakan kehakiman, satu bidang yang cukup penting dalam undang-undang pentadbiran. Memandangkan kuasa yang diberi oleh pihak berkuasa adalah begitu luas dan juga banyak keputusan oleh pihak berkuasa dan tribunal tidak boleh dirayu, maka peranan penting semakan kehakiman tidak boleh diketepikan. Isu terkini juga dibincangkan iaitu apakah wajib atau seharusnya Menteri memberi alasan dalam keputusannya.

Bab terakhir merupakan bab yang menarik kerana ia membincangkan tentang undang-undang berhubung pemecatan yang tidak adil. Penulis mengulas sumbangan Common Law dan kelemahannya serta peranan undang-undang perusahaan di Malaysia. Banyak kes terkini dibincangkan seperti Dreamland, Hong Leong Assurance dan C.I. Holdings. Tidaklah ada isu yang lebih penting dalam perhubungan perusahaan di Malaysia selain isu siasatan dalaman sebelum pemecatan pekerja. Ia dibincangkan dengan agak panjang lebar dalam bab ini. Kes-kes yang dibincangkan menonjolkan sikap kehakiman kepada kedudukan siasatan dalaman khususnya dan perhubungan perusahaan amnya.

Selain bab-bab di atas, penulis juga telah memasukkan beberapa Appendiks yang sebenarnya merupakan catatan ringkas tentang beberapa isu perhubungan perusahaan di Malaysia, misalnya 'Malaysia Incorporated', 'GSP' dan sebagainya.

Kesimpulannya, buku ini memberikan sumbangan besar kepada dunia perhubungan perusahaan di Malaysia. Pada pendapat pengulas, inilah buku pertama yang membincangkan disiplin ini daripada pelbagai perspektif dengan gaya dan cara yang cukup analitikal. Buku ini wajar dibaca oleh penuntut dan pengamal perhubungan perusahaan di Malaysia.

***Profesor Madya, Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia**